



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 01 Tahun 2013

**TATACARA PENGGUNAAN PELEKAT KENDERAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tatacara penggunaan pelekat kenderaan Universiti Teknologi MARA.

LATAR BELAKANG

2. Jawatankuasa Tatatertib Kakitangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bukan dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat) dalam mesyuarat bil. 10 pada 07 Jun 2012 telah membuat keputusan supaya pihak UiTM mengeluarkan pekeling berkaitan tatacara penggunaan pelekat kenderaan bagi mengatasi masalah penyalahgunaan pelekat/pemberian pelekat kepada pihak ketiga/pihak luar.
3. Arahan dikeluarkan ekoran peningkatan kes penyalahgunaan pelekat yang dilaporkan kepada Bahagian Pengurusan Disiplin, Pejabat Pendaftar untuk diambil tindakan.

4. Oleh itu, bagi mencegah penyalahgunaan pelekat/pemberian pelekat kepada pihak ketiga/pihak luar, maksud bagi pekeling ini adalah seperti berikut :

- i) Pelekat bermaksud pelekat kenderaan untuk kegunaan ahli Lembaga Pengarah/staf/pelajar/pelawat khas/pekerja kontrak/pesara UiTM bagi urusan keluar/masuk dan meletakkan kenderaan di lot parkir yang disediakan dalam kawasan kampus UiTM.
- ii) Pihak ketiga bermaksud mana-mana pihak (termasuk keluarga pegawai) selain daripada individu yang diluluskan pembelian pelekat kenderaan melalui sistem e-Pelekat Kenderaan Staf/secara manual di Pejabat Polis Bantuan kampus UiTM.
- iii) Keluarga Pegawai bermaksud ibu/bapa/suami/isteri/anak kepada staf UiTM.
- iv) Pelajar yang ibu/bapa/suami/isteri/saudara mara mereka merupakan staf UiTM **hendaklah** menggunakan pelekat yang dikhaskan untuk pelajar.
- v) Setiap staf dihadkan dua (2) pelekat kenderaan sahaja.
- vi) Pelajar/pelawat khas/pekerja kontrak/pesara UiTM dihadkan satu (1) pelekat sahaja.
- vii) Pelekat kenderaan tambahan selain dari yang telah dihadkan adalah **tidak dibenarkan** kecuali setelah mendapat kebenaran khas daripada Pendaftar.

PERATURAN

5. Pelekat kenderaan UiTM bukan jaminan untuk membolehkan staf memasuki mana-mana premis universiti terutama Kolej Kediaman tanpa kebenaran. Dalam apa juga keadaan, kebenaran hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada pihak berkuasa Kampus/Polis Bantuan yang membuat kawalan.

6. Warga UiTM yang menyalahgunakan/menyerahkan pelekat untuk kegunaan pihak ketiga/pihak luar atau melanggar mana-mana peraturan berkaitan penggunaan pelekat kenderaan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

TUJUAN PELAKSANAAN

7. Pelaksanaan pekeliling ini adalah bagi mengurangkan penyalahgunaan pelekat/pemberian pelekat kepada pihak ketiga/pihak luar dan memantau pergerakan keluar masuk kenderaan persendirian dalam kawasan kampus.

TARIKH DIKELUARKAN

8. Pekeliling dikeluarkan pada 04 Januari 2013.

TARIKH KUATKUASA

9. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 01 Januari 2013.

PEMAKAIAN

10. Pemakaian Pekeliling ini adalah untuk seluruh sistem Universiti Teknologi MARA.



DR. HAJAH ZAHRAH MOKHTAR

Pendaftar

Dikelilingkan kepada:

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

*Bil. Fail : 100-BPD(UDG/PT.6/3)
No. Siri : 100-BPD(UDG/01/2013)*